

26/01/1999

Pendakwa, pembela akan kemuka hujah

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Isnin - Perbicaraan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim bersambung pada minggu ke-11 akan menyaksikan pendakwa dan pembela mengemukakan hujah sama ada bekas Timbalan Perdana Menteri itu dipanggil untuk membela diri atau sebaliknya.

Pada perbicaraan lalu, yang ditangguhkan 14 Januari, pendakwa sudah menutup kesnya dan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S Augustine Paul memerintahkan pembela dan pendakwa memulakan hujah masing-masing.

Bagaimanapun, pembela memohon penangguhan hingga 26 Januari ini bagi membolehkan mereka membuat persediaan hujah berikutan pindaan empat tuduhan rasuah ke atas Anwar.

Berikutan pindaan itu, pendakwa tidak perlu lagi membuktikan kebenaran atau kepalsuan tohmahan salah laku seksual dan liwat ke atas Anwar kerana mahkamah sudah memutuskan ia tidak ada kaitan dengan tuduhan baru itu.

Hujah pembela dan pendakwa itu dijangka mengambil masa dua hari sebelum hakim membuat keputusannya.

Jika Anwar dipanggil untuk membela diri, beliau akan terus memberi keterangan dan selepas itu saksinya pula memberi keterangan.

Antara saksinya ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor; Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin; bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Ismail Che Ros.

Perbicaraan Anwar yang digelar 'Perbicaraan Abad Ini di Malaysia' masih menarik minat ramai, orang ramai masih lagi beratur sejak awal pagi untuk masuk ke mahkamah berkenaan.

Anggota keluarga Anwar termasuk isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan anak-anak mereka hadir mengikuti perbicaraan setiap hari. Mereka disediakan tempat duduk khas di dalam mahkamah itu.

Seramai 23 saksi pendakwa sudah dipanggil memberi keterangan termasuk bekas Pengarah Cawangan Khas (SB), Datuk Mohd Said Awang, dua pegawai SB, Deputy Superintendan Abdul Aziz Hussin, Asisten Komisioner Mazlan Mohd Din, Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Perdana Menteri, Datuk Alias Ali, Azizan Abu Bakar dan Ummi Hafilda Ali.

Anwar menghadapi empat tuduhan rasuah mengikut Seksyen 2(1) Ordinan 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga menghadapi satu lagi tuduhan amalan rasuah dan lima tuduhan liwat yang akan dibicarakan antara Disember hingga Jun tahun depan.

Lima tuduhan liwat itu didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Paul bagaimanapun belum menetapkan perbicaraan satu lagi kes amalan rasuah dan kes liwat. Beliau menetapkan supaya empat tuduhan rasuah dibicarakan terlebih dahulu bermula pada 2 November lalu.

(END)